



SHAMSUL Kahar (tengah) bersama penerima Anugerah Dekan.

IIC cipta sejarah

■ 198 pelajar terima Anugerah Dekan

Gombak

Kolej Islam Antarabangsa (IIC) mencipta sejarah tersendiri apabila 198 pelajar mencatat keputusan paling cemerlang pada Semester 2 Sesi 2014/2015 dalam program Sekolah Sains Sosial kolej berkenaan baru-baru ini.

Semua pelajar berkenaan daripada program Diploma Pengajian Islam dan Sains Kontemporari (DIC) dan Diploma Pendidikan Awal Islam Kanak-Kanak (DCE) diraikan pada Majlis Penghargaan Anugerah Dekan Sekolah Sains Sosial yang berlangsung Dewan Besar IIC.

Pada majlis itu, 140 pelajar daripada program DCE dan 58 bagi program DIC, menerima anugerah dekan

yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif IIC, Shamsul Kahar Haron dan Dekan Sekolah Sains Sosial IIC, Arlina Rohaizy Muhammad Amdan.

Shamsul Kahar berkata, beliau terharu dan puas hati kerana jumlah pelajar cemerlang dalam akademik khususnya bagi program Sekolah Sains Sosial

semakin bertambah dalam sesi pengajian mereka pada setiap tahun.

"Saya berharap mereka yang mencatat Purata Markah Keseluruhan (GPA) 3.5 ke atas itu perlu terus mengekalkan kecemerlangan

sehingga semester terakhir pengajian. Kecemerlangan itu tiket untuk menyambung pengajian mereka ke universiti awam khususnya Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)," katanya.

Sementara itu, Dekan Sekolah Sains Sosial Arlina Rohaizy berkata, di bawah program kelolaannya, jumlah pelajar lebih 1,300 orang adalah yang terbesar berbanding program lain di IIC.

"Minat terhadap program berasaskan Islam khususnya Diploma Pendidikan Awal Islam Kanak-Kanak (DCE) menjadi tumpuan pelajar kerana program berkenaan adalah program pertama mendapat pengiktirafan akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)," katanya.

FAKTA
Ketua Pegawai Eksekutif IIC terharu jumlah pelajar cemerlang dalam akademik bertambah

Mohd Noh kekal terajui UTHM

Batu Pahat: Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin dilantik semula sebagai Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk tempoh setahun lagi berkuat kuasa hari ini.

UTHM dalam satu kenyataan berkata, pelantikan itu dibuat Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh berdasarkan pencapaian cemerlang beliau sepanjang tujuh tahun menerajui UTHM.

Ia pelantikan untuk penggal keempat bagi Mohd Noh yang mula menyandang jawatan berkenaan pada 2008 sebelum dilantik semula pada 2011 dan 2013.

Memiliki ijazah dalam bidang fizik daripada Univer-



MOHD Noh

siti Gadjah Mada, Indonesia dan Sarjana (Sains) dalam bidang 'Solid State Physics' dari Bedford College, University of London, anak ke-

lahiran Batu Pahat itu turut dipilih berdasarkan kesungguhannya melonjakkan nama UTHM ke persada antarabangsa.

"Sepanjang tempoh perkhidmatannya, beberapa kejayaan universiti direkodkan antaranya peningkatan pelajar dari sekitar 8,000 orang pada 2008 kepada hampir 17,000 pada 2015.

"Malah, UTHM turut mendapat pengiktirafan lima bintang bagi kriteria pengajaran, fasiliti dan inovasi dalam Audit Quacquarelli Symonds (QS) Star Rating iaitu satu organisasi pengauditan universiti yang terkenal melalui QS World Ranking," kata kenyataan itu.



lifescents

3 WANGIAN
SENTIASA BERUBAH
DALAM 1 SEMBURAN



Air Wick Life Scents Pek Starter

JIMAT 25%

Kini hanya **RM19.90***



Boleh didapati di:

AEON

Giant

MYDIN

TESCO

Reckitt Benckiser (M) Sdn Bhd (175141-H)

*Harga tertera termasuk 6% GST. Terlepas dalam pelbagai rantau.